

09 SEP 1996

SAMBUTAN RASMI BAGI PERDANA MENTERI CZECH

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Czech Vaclav Klaus yang tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen pagi ini.

Beliau disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setibanya di Parlimen.

Pemimpin Czech itu, dengan diiringi Dr Mahathir, memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada 306 pegawai dan anggota diketuai Mej Rafizi Shariff selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh pancaragam Rejimen Askar Melayu Diraja.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada menteri kabinet dan diplomat asing. Beliau kemudian menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara.

Klaus dijadual menyampaikan ucapan dasar pada satu seminar ekonomi dan menemui Dr Mahathir pada sebelah petang.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Klaus ke negara ini. Beliau diiringi isterinya Livia Klausova dan rombongan seramai 49 anggota, termasuk Timbalan Menteri di Pejabat Perdana Menteri Jiri Weigl dan pemangku Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Pavel Dvorak. -- BERNAMA

RHM AKD